

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendirian dan dasar Kerajaan Malaysia berkenaan isu import sisa plastik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan isu pengimportan skrap plastik HS Code 39.15 adalah sangat jelas iaitu pengimport perlu memiliki Lesen Import (*approved permit* - AP) skrap plastik terlebih dahulu sebelum membawa masuk skrap tersebut ke Malaysia. Tiada kelulusan AP diberikan kepada kontena yang telah tiba di pelabuhan tanpa kelulusan permit import atau *no AP on arrival*. Berkuatkuasa pada 26 Oktober 2018, AP skrap plastik hanya diluluskan oleh Kementerian setelah pengimport mematuhi kesemua 18 syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut :

- (i) Mengemukakan gambar sebenar yang jelas dan kategori sisa plastik import;

NO SOALAN : 90

- (ii) Mengemukakan surat pengesyoran operasi kilang daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang masih dalam tempoh sah laku;
- (iii) Mengemukakan surat kelulusan pengeksport dengan sijil ISO 14000;
- (iv) Mengemukakan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
- (v) Mengemukakan invois yang dicap dan di tandatangan oleh pengeksport;
- (vi) Mengamalkan *good housekeeping* di kilang;
- (vii) Mempunyai ruang simpanan yang sesuai seperti berbumbung dan lantai konkrit di kilang;
- (viii) Mengemukakan surat kelulusan memasang dan mengoperasi jentera daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP);
- (ix) Pengesahan kapasiti sebenar mesin pemprosesan oleh SIRIM;
- (x) Menyatakan maklumat lokasi pelupusan sisa yang dijana dari kilang pengimport;
- (xi) Mengemukakan senarai pembeli produk akhir;
- (xii) Mengemukakan semua senarai kilang di bawah milik syarikat;
- (xiii) Penetapan *ratio* sisa plastik yang mengehendkan 70% sumber import;

- (xiv) Mengehadkan pengimportan hanya kepada sisa plastik daripada premis perindustrian/*selected segregated post-consumer waste*;
- (xv) Sekatan pengimportan sisa plastik dari negara membangun;
- (xvi) Menetapkan lokasi yang bersesuaian (*zoning*) bagi premis pemprosesan sisa kitar semula;
- (xvii) Memperkenalkan bayaran levi kepada pengimport; dan
- (xviii) Memperkenalkan Jaminan Bank (*bank guarantee*) kepada pengimport.

2. Daripada 18 syarat-syarat tersebut, 7 daripadanya merupakan syarat-syarat sedia ada dan sebanyak 11 syarat-syarat baharu telah diperkenalkan bagi memastikan kemasukan skrap plastik import dapat dikawal secara lebih sistematik.

3. Selain itu, KPKT sedang menyediakan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Sisa Pepejal Import) (Plastik) dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengimportan bagi Sisa Pepejal Import) bagi mengawal selia dan menguatkuasakan aktiviti pengimportan sisa pepejal khususnya bagi skrap plastik. Peraturan ini sedang dalam peringkat pemurnian dan pemuktamadan oleh Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.